

Mahathir seru atasi gejala yang dihadapi Bumiputera

KUALA LUMPUR, Selasa — Setiap institusi terutama yang mempunyai peranan penting dalam pembangunan negara diminta bekerjasama membantu menyelesaikan gejala yang ketara yang dihadapi oleh Bumiputera dalam bidang perindustrian.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengarahkan demikian menegaskan, Kerajaan telah menubuhkan berbagai badan untuk membantu menyelesaikan masalah ini seperti MIDA, MARA, Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri, UDA, MIDF dan institusi seumpamanya, masing-masing ada obligasi sosial dalam hal ini.

Katanya, untuk berjaya dalam industri bukanlah satu perkara yang mudah untuk mencapai kejayaan atau industri, ia memerlukan modal, kepakaran teknikal, pengurusan, ketekunan dan kesabaran.

Berucap merasmikan bangunan Syarikat Permodalan

Kemajuan Perusahaan Malaysia Bhd. (MIDF) berharga \$13 juta di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata:

"Memang sukar untuk menjodohkan kesemua perkara ini dalam satu entiti. Setengah orang ada modal tapi tidak ada kepakaran. Setengah pula ada modal, ada kepakaran tapi tidak mempunyai pengalaman; dan begitu sahaja seterusnya."

Datuk Seri Dr. Mahathir seterusnya berkata, ada golongan Bumiputera yang mempunyai harta kekayaan, mungkin diperolehi melalui pesaka, atau caranya tersendiri tetapi wang juga belum cukup untuk menjadikan seseorang itu berjaya dalam industri.

Ada pula golongan yang berpengetahuan dan melalui pekerjaannya telah berjaya mengumpul sedikit sebanyak modal serta melalui hubungannya mampu mendapatkan pinjaman, tetapi timbul pula soal pengalaman dan pemasaran.

"Inilah perkara pokok yang harus kita sama-sama tolong

selesaikan. Siapa yang bersalah dalam perkara ini tidak perlu lagi dipersoalkan kerana soalan ini terlalu kerap dikemukakan dan telah mendapat berbagai jawapan.

"Berasaskan masalah pokok ini, mungkin kita nampak masalah semasa yang ada di hadapan kita ialah masalah mencari jodoh; untuk menjodohkan individu-individu atau kumpulan-kumpulan yang mempunyai kelebihan atau keupayaan tertentu dengannya yang lain yang memerlukannya," ujar beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir selanjutnya berkata, ada di kalangan Bumiputera yang mencari penyelesaian kepada masalah ini dengan caranya tersendiri, iaitu dengan konsep yang kerap dipanggil Ali-Baba atau Ali-John kerana dengan cara ini, penjodohan telah ditemukan walaupun secara mendadak.

"Inilah bentuk dilemma yang meranjau di hadapan mata pihak Kerajaan dalam usaha untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru," tegasnya.